



Rumah Kuning muncul juara

Kejohanan Badminton Tertutup Diploma Pendidikan Lepas-an Ijazah

■ MURUL HUDA HUSAIN

KUALA NERUS - Rumah Kuning muncul juara Kejohanan Badminton Tertutup Diploma Pendidikan Lepas-an Ijazah yang berlangsung di Dewan Gemilang, Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza), Kampus Gong Badak, minggu lalu.

Kejohanan yang diadakan bagi memenuhi kursus pengurusan dan pengeloaan kokurikulum itu membabitkan empat pasukan dengan keseluruhan 76 peserta.

Najib Jara disandang oleh rumah Biru, tempat ketiga Merah dan tempat keempat adalah rumah Hijau.

Rengarah programnya, Syed Husain Najmi Sayed Mohd Al-Bakri berkata, selain untuk memenuhi syarat diploma itu, kejohanan bertekanan turut menjadi medan kepada peserta untuk memamerkan kehebatan masing-masing.

"Kata-rata peserta yang mengambil bahagian memamerkan kemahiran dan kebolehan yang agak membanggakan dan diharapkan semangat yang dimiliki itu akan diteruskan.

"Ini kerana, kejohanan yang berbentuk radeh ini bukan sahaja dapat memberikan kesihatan minda.

"Tadi, diharapkan kejohanan sebegini akan diteruskan pada masa akan datang, sekaligus memberi peluang kepada guru-guru untuk memamerkan kebolehan masing-masing dalam acara sukan badminton," katanya.

Dalam pada itu, upacara penyempurnaan hadiah disempurnakan Naib Canselor Unisza, Prof. Datuk Dr. Ahmad Zubaidi A. Laiff.

Hadis sama, Penyeleas DPLI, Ab Aziz Sulaiman dan wakil Yayasan Teengganu, Mohd Ridwan Alias.



10 DISEMBER 2016 DEWAN GEMILANG UNISZA



Ahmad Zubaidi (kanan) menyempurnakan hadiah kepada salah seorang peserta.



Sebahagian aksi peserta dalam kejohanan tersebut.



Peserta berkumpul sebelum majlis penyempurnaan hadiah diadakan.



Peserta dibentangkan mat sebelum memulakan perlawanan.